



Bersama  
Mohd Shahrizal  
Nasir

15-01-2018

addin

19

HARIAN METRO

**A**ntara nama Allah SWT yang terpuji ialah Al-Razzak. Ia bererti yang Maha Banyak Memberi atau Mengurniakan Rezeki kepada hamba-Nya.

Setiap manusia mempunyai rezeki masing-masing selagi mereka berusaha untuk mencari rezeki.

Dengan izin dan kasih sayang Allah SWT, pasti mereka akan memperoleh rezeki untuk makan, minum dan meneruskan kehidupan di dunia.

Kita perlu bersyukur atas setiap rezeki yang dikurniakan kepada kita, sama ada ia banyak atau sedikit.

Setiap manusia perlu bekerja untuk memperoleh rezeki. Usah menyalahkan takdir Allah SWT sekiranya tidak mendapat apa yang dikehendaki, sebaliknya tanyalah kepada diri sendiri sejauh mana kita berusaha untuk memperoleh rezeki daripada-Nya.

Dalam soal mencari rezeki, setiap hari kita keluar dari rumah untuk bekerja.

Ada kalanya keluar pada waktu pagi dan pulang setelah matahari terbenam. Ada pula yang terpaksa keluar berhari-hari sebelum dapat kembali semula ke rumah hanya untuk mencari rezeki.

## Mencari keberkatan rezeki

■ Umat Islam harus jauhi perkara negatif ketika bekerja

Kita laksanakan tugas berkaitan pekerjaan secara rutin sehingga kadang-kala lupa untuk melakukan muhasabah terhadap setiap perkara yang dilakukan.

Untuk mendapat keberkatan dalam mencari rezeki, kita perlu berusaha menjauhkan diri daripada perkara-perkara negatif ketika bekerja.

Tidak dapat dinafikan, ada kalanya kita tidak dapat mengelak daripada merasai sifat malas ketika bekerja. Diri menjadi malas dan tidak mempunyai motivasi diri untuk melakukan tugas yang diamanahkan.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah mencintai seorang di antara kalian yang jika bekerja, maka dia bekerja dengan baik." (Hadis riwayat al-Baihaqi)

Carilah faktor yang boleh meningkatkan motivasi diri supaya dapat melakukan kerja dengan cara terbaik.

Apatah lagi sekiranya tugas yang kita lakukan

“

Sesungguhnya Allah mencintai seorang di antara kalian yang jika bekerja, maka dia bekerja dengan baik”

(Hadis riwayat al-Baihaqi)

membabitkan orang lain secara langsung.

Jika kita bersifat malas, pasti hasil kerja menjadi tidak produktif dan akhirnya menjejaskan tugas orang lain pula.

Antara perkara yang mungkin sering berlaku di tempat kerja ialah membuang masa kerja dengan melakukan perkara tidak berfaedah dan tidak berkaitan.

Tidak salah bersembang secara sambilan ketika melaksanakan tugas, namun jika masa berjam-jam diperuntukkan untuk bersembang perkara tidak berfaedah, maka itu perlu dielakkan.

Ada juga mungkin asyik bermain 'game' dalam komputer masing-masing ketika waktu kerja sedangkan banyak lagi

tugas yang belum selesai.

Mengharapkan pujian manusia juga satu penyakit yang mesti dihindari. Ia sifat negatif yang sangat berbahaya kepada hati seorang Muslim.

Tidak dapat dinafikan, ada kalanya pujian yang diterima hasil kerja yang dilakukan dapat meningkatkan motivasi diri untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik.

Namun, jika sampai ke tahap mengharapkan pujian manusia atas setiap tugas yang berjaya dilaksanakan, maka ia satu perkara yang tidak baik.

Apatah lagi sikap melakukan kerja semata-mata untuk mendapat pujian sehingga sanggup membuat apa sahaja termasuk perkara yang dilarang Allah SWT.

Ingatlah pujian manusia tidak menjamin kebahagiaan di akhirat. Setiap pekerja perlu memelihara sifat ikhlas supaya ia tidak dirosakkan oleh pujian manusia.

Seperkara lagi, berwaspadalah dalam hal melaksanakan urusan peribadi di tempat kerja.

Mungkin ada beranggapan perkara itu tidaklah besar, namun ia menjadi bukti terjeasnya sifat amanah dalam diri.

Tidak dapat dinafikan, kita tidak dapat lari daripada keadaan 'terdesak', namun ia perlu diuruskan dengan cara baik supaya tidak menjejaskan keberkatan dalam usaha mencari rezeki.

Rezeki yang kita peroleh akan menjadi darah daging diri sendiri dan ahli keluarga.

Apabila rezeki yang diterima tiada keberkatan, maka akan timbul masalah lain dalam kehidupan termasuk munculnya pelbagai masalah dalam rumah tangga.

Amalkan budaya kerja cemerlang bukan sahaja



**AL-HAQ**

Sehari sepotong ayat

"Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap gelita) dan Kami jadikan tanda siang itu terang benderang supaya kamu mudah mencari rezeki daripada limpah kurnia Tuhan kamu dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari) dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam al-Quran) dengan sejas-jelasnya."

(Surah al-Israa', ayat 12)

untuk meningkatkan prestasi organisasi tempat kerja, tetapi juga untuk kemaslahatan diri sendiri dan keluarga.

Mudah-mudahan setiap rezeki yang diterima mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Penulis ialah pensyarah  
Universiti Sultan Zainal  
Abidin (UniSZA),  
Terengganu